

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [ BAKRI ]**

**SOALAN**

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini pelaksanaan projek HSR KL-Singapura. Adakah Kerajaan bertindak pro-aktif dalam menggerakkan projek ini dan apakah garis masa untuk menjayakan projek ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak MyHSR Corporation Sdn Bhd (MyHSR Corp) telah melaksanakan penilaian terhadap tujuh Cadangan Konsep yang telah diterima daripada firma/ konsortium (tempatan dan antarabangsa) melalui *Request For Information (RFI)*. Hasil penilaian terhadap cadangan konsep tersebut akan diangkat untuk penilaian lanjut Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) dan dianggotai oleh Kementerian/ Agensi yang berkaitan.
2. Hasil penilaian oleh Jawatankuasa Pemandu ini seterusnya akan diangkat ke Jemaah Menteri bagi menyenarai pendek konsortium-konsortium untuk proses seterusnya iaitu *Request For Proposal (RFP)*.
3. Pihak Kerajaan adalah komited terhadap pelaksanaan projek ini, selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk melaksanakan projek HSR secara pembiayaan swasta. Garis masa pelaksanaan projek ini masih belum dimuktamadkan, bergantung kepada cadangan konsortium yang dipilih melalui proses RFP kelak.

Sekian, terima kasih.